



## SIARAN AKHBAR

### PENUTUPAN SEMENTARA PERKHIDMATAN KAUNTER-KAUNTER JABATAN PERKHIDMATAN AWAM DAN KELAB PERKHIDMATAN AWAM

---

**Bandar Seri Begawan, 8 Ogos 2021**

Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa:

- **Semua kemudahan-kemudahan di Kelab Perkhidmatan Awam akan ditutup sementara bermula dari hari ini, 08 Ogos 2021 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian, dan**
- **semua kaunter-kaunter Jabatan Perkhidmatan Awam akan ditutup sementara bermula dari Hari Isnin, 09 Ogos 2021 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.**

Ini adalah berikutan dengan kenyataan Kementerian Kesihatan semasa sidang media pada 07 Ogos 2021 mengenai dengan langkah-langkah pengawalan yang diperketatkan semula di Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, pihak-pihak yang ingin berurusan dengan Bahagian-bahagian di Jabatan Perkhidmatan Awam boleh menghubungi talian 2382469 atau melalui e-mel [info.psd@psd.gov.bn](mailto:info.psd@psd.gov.bn).

Dimaklumkan juga bahawa segala persuratan yang dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam bolehlah diimbas (scan) dan dihadapkan ke jabatan ini melalui e-mel [record@psd.gov.bn](mailto:record@psd.gov.bn) dan dokumen fizikal hendaklah dihadapkan kemudian. Walau bagaimanapun persuratan yang berklasifikasi tahap **SULIT** dan ke atas adalah dikecualikan dan hendaklah dihadapkan seperti lazimnya.

Kerjasama dan pertimbangan daripada orang ramai adalah sangat diharapkan dalam menangani isu wabak ini bagi sama-sama mengurangkan interaksi di antara pelanggan dengan kakitangan Jabatan.

**-sekian-**

**Disediakan oleh  
Unit Perhubungan Awam dan Koordinasi  
Bahagian Pembangunan dan Pengurusan  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam**